

BERITA PALSU DALAM ERA KECERDASAN BUATAN: MENEROKA KONSEP ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DARIPADA PERSPEKTIF AL-QURAN^(*)

*(Fake News in the Artificial Intelligence Era: Exploring the Concept of
Social Media Use Ethics from the Perspective of Al-Quran)*

Farah Fazlinda Mohamad¹, Zulkifli Mohd Yusoff²

ABSTRACT

The emergence of artificial intelligence has radically changed the landscape of digital communication, particularly in the creation and dissemination of information. However, this advancement also brings significant ethical challenges, particularly in the context of the spread of fake news through social media. Phenomena such as deepfake and the spread of fake news content have triggered a crisis of trust in digital information. Therefore, this study aims to assess the issue of fake news on social media in the era of artificial intelligence (AI) from the perspective of Islamic ethics, focusing on the principles of ethical communication according to the Al-Quran. A qualitative approach was conducted using Quranic translations and content analysis of AI-generated fake news on several online news portals. This article proposes an Islamic communication model, namely the 5P Islamic Digital Communication Model, which emphasizes the aspects of Evaluation, Filtering, Verification, Sharing, and Accountability. This model was developed based on analysis of Quranic verse translations, Maqasid Sharia Principles and AI-generated fake news content analysis. The results of this study are expected to provide guidance in formulating policies and ethics for the use of AI in the digital communication space.

^(*) This article was submitted on: 27/07/2025 and accepted for publication on: 25/09/2025.

¹ Jabatan Komunikasi dan Media, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia
Email: farahfazlinda@fbk.upsi.edu.my

² Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia
Email: zulkifli@um.edu.my

Keywords: *Al-Quran, Social Media, Communication, Artificial Intelligence, Fake News, Ethics*

ABSTRAK

Kemunculan kecerdasan buatan telah mengubah lanskap komunikasi digital secara radikal, terutamanya dalam penciptaan dan penyebaran maklumat. Namun, kemajuan ini juga membawa cabaran etika yang besar, khususnya dalam konteks penyebaran berita palsu melalui media sosial. Fenomena seperti deepfake, penyebaran kandungan berita palsu telah mencetuskan krisis kepercayaan terhadap maklumat digital. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai isu berita palsu di media sosial dalam era kecerdasan buatan (AI) dari perspektif etika Islam dengan memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip komunikasi beretika menurut al-Quran. Pendekatan kualitatif telah dijalankan dengan menggunakan terjemahan al-Quran dan analisis kandungan berita palsu janaan AI di beberapa portal akhbar atas talian. Artikel ini mencadangkan satu model komunikasi Islamik iaitu, Model 5P Komunikasi Digital Islam yang menekankan aspek Penilaian, Penapisan, Pengesahan, Perkongsian dan Pertanggungjawaban. Model ini dibangunkan berdasarkan kepada analisis terjemahan ayat Al-Quran, Prinsip Maqasid Syariah dan analisis kandungan berita palsu janaan AI. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dalam merangka dasar dan etika penggunaan AI dalam ruang komunikasi digital.

Kata Kunci: *Al-Quran, Media Social, Komunikasi, Kecerdasan Buatan, Berita Palsu, Etika*

1. PENDAHULUAN

Pada era globalisasi ini terutamanya yang kian terkenal dengan pelbagai jenis teknologi canggih, penggunaan media sosial semakin berleluasa dalam kalangan masyarakat tidak kira di dalam mahupun di luar negara. Menurut Anita Ismail et al. (2021), media sosial didefinisikan sebagai sejenis platform atas talian yang membolehkan para pengguna virtual untuk berkongsi pandangan, mencipta maklumat melalui rangkaian sosial, blog dan dunia maya. Secara ringkasnya, media sosial merupakan sebuah aplikasi yang bergantung kepada capaian internet seperti aplikasi Facebook, Instagram, dan TikTok. Sehingga bulan Oktober 2023, terdapat 5.3 bilion pengguna internet di seluruh dunia, dan jumlah ini merangkumi 65.7 peratus daripada populasi global. Daripada jumlah ini, sebanyak 4.95 bilion, atau 61.4 peratus, adalah pengguna media sosial

(Petrosyan, 2023). Manakala, jumlah pengguna media sosial di Malaysia sehingga Januari 2023 dianggarkan seramai 26.8 juta dengan jumlah pengguna tertinggi adalah melalui aplikasi YouTube, sebanyak 25.9 juta pengguna. Selain aplikasi YouTube, aplikasi Facebook turut mencatatkan jumlah tertinggi iaitu seramai 20.25 juta pengguna diikuti TikTok seramai 19.3 juta pengguna, dan Instagram seramai 13.9 juta pengguna (Mohd Ridzaudidin Roslan & Muhammad Najieb Ahmad Fuad, 2023).

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pengguna media sosial bergantung kepada media sosial. Di antara faktor-faktor penyumbang kepada kebergantungan pengguna kepada media sosial adalah untuk memenuhi keperluan kognitif, keperluan emosi dan keperluan sosial. Sifat ingin tahu adalah fitrah manusia. Oleh yang demikian, kebergantungan pengguna kepada media sosial adalah untuk memenuhi keperluan kognitifnya. Keperluan kognitif adalah keinginan mendapatkan maklumat, pengetahuan dan pemahaman. Melalui media sosial, pengguna dapat mengetahui maklumat terkini yang berlaku dalam dan luar negara (Akmar Hayati, 2021). Ini dapat difahami bahawa media sosial memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia sebagai medium penyampaian maklumat.

Namun begitu, pengguna media sosial perlu cakna dalam mendapatkan maklumat daripada media sosial, kerana tidak semua maklumat yang dikongsikan di media sosial boleh dipercayai. Isu berkaitan penyebaran berita palsu di media sosial merupakan isu yang semakin hangat diperkatakan terutamanya dalam era kecerdasan buatan. Menurut laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara (2023), definisi berita palsu adalah sejenis ancaman dari beberapa dimensi termasuk sosial, politik, ekonomi, hubungan kaum, dan agama. Tidak semua berita atau maklumat yang dipaparkan di media sosial benar terutamanya daripada sumber-sumber tidak rasmi. Teknologi kecerdasan buatan yang diperkenalkan oleh John McCarthy pada tahun 1956 telah membantu mempercepatkan penciptaan dan penyebaran maklumat di media sosial, namun teknologi ini turut membuka ruang kepada penyebaran berita palsu secara berleluasa di media sosial. Di antara contoh-contoh berita palsu yang tersebar adalah seperti video deepfake, berita palsu yang dijana secara automatik, dan bot propaganda yang mencabar prinsip asas komunikasi beretika.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 *Penyebaran berita palsu menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) di media sosial*

Sebanyak 861 berita tidak ditentukan kesahihannya telah dikenalpasti di Malaysia sejak 1 Disember 2022 sehingga 31 Disember 2023 (Zulkifli, 2024). Peningkatan jumlah kandungan berita palsu meningkat saban tahun. Setakat 28 Januari 2025, sebanyak 1,233 kandungan berita palsu telah diturunkan melibatkan pelbagai penyedia platform atas talian (Hafezzur Muzamir, 2025). Manakala, jumlah kes yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia berkaitan penipuan menggunakan taktik *deepfake* adalah sebanyak 454 kes penipuan dengan melibatkan kerugian sebanyak RM2.72 juta (Berita Harian, 2025).

Isu kandungan janaan AI bukanlah isu setempat kerana ia telah menjadi ancaman di seluruh dunia dalam mendepani kandungan AI bersifat palsu dan sengaja diada-adakan untuk tujuan tertentu. Di Malaysia sendiri, sudah pasti kita semua berdepan dengan cabaran baharu apabila teknologi AI ini menghasilkan kandungan palsu yang sukar dibezakan daripada maklumat yang asal. Fenomena ini memberikan impak yang sangat besar kepada negara kerana berupaya mengancam kestabilan sosial dan politik negara.

Melalui laporan yang diterima, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah mengambil langkah proaktif dengan memohon penurunan kandungan berita palsu sebanyak 19,546 kandungan daripada pelbagai platform atas talian pada tahun lalu. Melalui jumlah ini, sebanyak 17,245 kandungan telah disahkan palsu dan telah diturunkan daripada platform atas talian (Harian Metro, 2025).

2.2 *Kandungan Palsu dalam Kod 7.2 Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF)*

Melalui Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF), kandungan yang mengandungi bahan palsu atau maklumat yang tidak lengkap dan berkemungkinan akan mengelirukan hendaklah dihindari. Pengamal Kod iaitu pengguna harus memastikan bahawa langkah-langkah yang digariskan di dalam bahagian tertentu Kod ini bagi mengelakkan kemungkinan untuk penyebaran perkara yang tidak benar yang boleh menyebabkan ketakutan orang awam dan/atau panik atau memudaratkan ketenteraman awam atau keselamatan negara.

Dalam Kod 7.2 ada menyatakan langkah-langkah yang munasabah untuk mengesahkan kebenaran kandungan hendaklah diambil sebelum kandungan tersebut disebar. Manakala dalam Kod 7.3, kandungan palsu adalah dengan jelas dilarang kecuali dalam keadaan-keadaan berikut: (a) satira dan parodi; atau (b) dalam keadaan yang jelas kepada penonton bahawa kandungannya adalah fiksi. Namun, ini bukanlah bermakna pengguna bebas untuk memuatnaik kandungan yang mengandungi bahan palsu, atau maklumat yang tidak lengkap walaupun terdapat pengecualian bagi dua perkara seperti dinyatakan.

2.3 *Garis Panduan kepada Pengguna Media Sosial dalam Perspektif Islam*

Penggunaan media sosial bukanlah suatu perkara yang baru. Penggunaan media sosial telah lama diperkenalkan sejak awal tahun 2000-an. Penggunaan aplikasi media sosial termasuk dalam perkara yang harus berlandaskan kaedah fiqh. Secara asasnya, di antara kaedah yang diletakkan oleh para *fuqaha* adalah, kaedah "*Asal bagi sesuatu perkara adalah harus*". Kata Imam al-Suyuthi Rahimahullah apabila menyebutkan kaedah ini:

"(Hukum) asal bagi sesuatu perkara adalah harus, selagimana tiada dalil yang mengharamkannya."

(Suyuti:60)

Oleh itu, penggunaan media sosial adalah harus selagi ianya tidak menyalahi syarak. Namun begitu, kemajuan teknologi masa kini telah mendorong kepada perkembangan media sosial baharu sekaligus telah mempengaruhi budaya dan kehidupan seharian manusia (Syed Mohammad Hilmi, 2022). Hal ini telah mendorong manusia untuk terlibat dengan penyalahgunaan teknologi media baharu. Pelbagai penyalahgunaan teknologi dapat dilihat pada ketika ini, terutamanya penyalahgunaan media sosial seperti penyebaran berita palsu dengan menggunakan teknologi kecerdasan buatan iaitu *deepfake* dan *voice manipulation*. Oleh yang demikian, pengguna media sosial perlu lebih cakna dan sedar akan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan semasa menggunakan media sosial. Terdapat beberapa garis panduan penggunaan media sosial yang perlu dipatuhi oleh semua pengguna media sosial menurut syarak. Hal ini telah dibincangkan dalam khutbah jumaat berkenaan adab di dalam media sosial (Jabatan Agama Islam Selangor, 2018).

(i) Membetulkan niat ketika menggunakan media sosial

Secara asasnya semua pengguna media sosial perlu membetulkan niat ketika menggunakan media sosial. Ini kerana setiap amal manusia dihitung daripada

niatnya. Apabila niatnya baik, maka amalannya dan hasilnya juga akan baik. Daripada Amirul Mukminin Abi Hafs, Umar bin al-Khattab RA katanya, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: “Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang mengikut yang dia niat. Maka sesiapa yang hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya maka hijrahnya kepada Allah dan Rasul-Nya, dan siapa yang hijrahnya kerana dunia untuk dia dapatinya atau perempuan untuk dikahwininya, maka hijrahnya mengikut apa yang dia hijrah kepadanya”. (Riwayat Al-Bukhari)

(ii) Kandungan menyeru ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran

Selain itu, pengguna media sosial perlu menyampaikan perkara yang baik dan dibenarkan oleh syarak. Ini bermakna kandungan yang dimuatnaik oleh pengguna perlulah menyeru ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Kandungan yang dimuatnaik mestilah tidak lari daripada ajaran Islam supaya tidak mengelirukan pengguna media sosial yang lain.

Maksudnya: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

(Ali-Imran, 3: 104)

(iii) Kandungan yang dikongsikan hendaklah dipastikan kesahihannya

Tambahan pula, kandungan dan maklumat yang dikongsikan hendaklah dipastikan kesahihannya terlebih dahulu. Setiap pengguna media sosial haruslah memastikan kesahihan kandungan yang ingin disampaikan sebelum disebarkan kepada orang lain kerana telah menjadi tanggungjawab setiap orang Muslim untuk menyebarkan sesuatu yang pasti agar tidak berlaku kekeliruan yang boleh mengundang fitnah di masa hadapan. Ini bermaksud, setiap pengguna perlu ber *tabayyun* atau menyelidik terlebih dahulu kandungan yang ingin dimuatnaik sebelum memuatnaik dan menyebarkan kandungan tersebut.

Konsep *tabayyun* merupakan istilah dalam Bahasa Arab iaitu dari perkataan *bayyana*, bermaksud untuk menjelaskan, menerangkan, atau menyatakan dengan jelas. Dalam konteks yang lebih luas, ia merujuk kepada tindakan untuk membuat sesuatu menjadi jelas, baik melalui penjelasan, pengesahan, atau penyelidikan maklumat sebelum membuat kesimpulan. Melalui konsep ini,

pengguna media sosial perlu membuat semakan atau penyelidikan terlebih dahulu dan tidak terburu-buru dalam membuat kesimpulan atau menyebarkan maklumat.

Konsep *tabayyun* sangat relevan pada masa kini kerana semua maklumat berada di hujung jari. Dalam era teknologi kecerdasan buatan, pengguna media sosial sentiasa berebut untuk menjadi yang pertama dalam menyebarkan maklumat dan ini boleh diklasifikasikan sebagai wartawan warga atau *citizen journalist*. Melalui Kod Etika Wartawan Malaysia, telah digariskan lapan tanggungjawab yang perlu dipraktikkan antaranya berkaitan kesahihan dan ketepatan maklumat (Bernama, 2024). Oleh yang demikian, Allah telah memerintahkan untuk mengamalkan *tabayyun*, sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Hujurat, ayat ke 6:

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenalinya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan"

(Surah Al-Hujurat, 6)

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Hafs bin 'Asim, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

"Cukuplah bagi seseorang itu digelar pendusta apabila dia menceritakan semua yang didengarnya tanpa bertabayyun (menyelidikinya)."

(Riwayat Muslim)

(iv) Menjaga batas pergaulan dan menjaga maruah dalam media sosial

Dalam masa yang sama, pengguna media sosial juga hendaklah menjaga batas pergaulan dan menjaga maruah dalam media sosial. Perbualan dan komunikasi dengan yang bukan muhrim secara keterlaluan adalah satu perkara yang perlu diambil serius. Pengguna mestilah menyampaikan sesuatu

perkara dengan jelas dan nyata serta mengelakkan daripada berkomunikasi dengan

mesra dan manja walaupun melalui media sosial. Batas pergaulan yang tidak dikawal

dalam penggunaan media sosial boleh terjerumus kepada keruntuhan akhlak.

Islam bukanlah agama yang menghalang kemajuan dalam kehidupan manusia bahkan Islam itu agama yang menyeru ke arah kemajuan. Namun Islam tidak hanya mementingkan kemajuan dari sudut pembangunan dan teknologi semata-mata bahkan sudut kerohanian, modal insan dan akhlak juga amat ditekankan oleh Islam dalam mengimbangi kemajuan luaran.

(v) Tidak berkongsi maklumat yang mengandungi unsur fitnah

Tambahan pula, pengguna hendaklah tidak berkongsi maklumat yang mengandungi unsur fitnah. Dalam arus kemodenan dunia tanpa sempadan, penyebaran maklumat yang mengandungi unsur fitnah terus meningkat. Unsur fitnah merujuk kepada kenyataan atau maklumat palsu yang sengaja disebarkan untuk merosakkan nama baik seseorang atau sesuatu kumpulan. Sebagai pengguna media sosial yang bertanggungjawab, menjauhkan diri daripada berkongsi maklumat atau berita yang mengandungi unsur fitnah di media sosial mencerminkan sikap bertanggungjawab dan beretika seseorang individu dalam berkomunikasi secara maya. Allah SWT berfirman dalam Surah Al-Qalam, ayat 10-11:

Maksudnya: Dan janganlah kamu ikuti setiap orang yang banyak bersumpah lagi hina. Yang banyak mencela, yang kian ke mari menghambur fitnah.

(Al-Qalam, 10-11)

(vi) Memastikan kebenaran maklumat yang ingin dikongsikan

Selain itu, pengguna hendaklah sentiasa berkata benar dalam segala yang dikongsikan di media sosial. Sebagai pengguna yang bertanggungjawab, adalah penting untuk memastikan kebenaran sebarang maklumat yang diterima sebelum berkongsi dengan sesiapa pun. Seharusnya media sosial menjadi medium perkongsian perkara yang benar agar tidak menimbulkan sebarang provokasi dan kegusaran awam. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Ahzab, 70 berkenaan berkata benar:

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara).

(Al-Ahzab, 70)

2.4 Implikasi Penyebaran Berita Palsu Janaan AI Menurut Perspektif Islam

Menurut perspektif Islam, penyebaran berita palsu janaan AI akan memberikan implikasi yang sangat besar kepada negara dari sudut akidah, akhlak dan syariah. Di antara implikasinya adalah:

- 1) Prinsip Kebenaran (Qaulan Sadidan) tidak dapat ditegakkan
Islam sangat mementingkan prinsip berkata benar dalam menyampaikan maklumat. Ini juga diterangkan melalui hadis Ibn Hibban (Sahih Ibn Hibban 449):

“Katakanlah yang benar meskipun itu pahit (berat untuk dikatakan).”

Qaulan Sadidan memastikan penyampai tidak menyebarkan maklumat berunsur fitnah, spekulasi, atau manipulasi fakta yang boleh memburukkan individu atau kelompok lain. Fitnah adalah lebih dahsyat daripada membunuh seperti dalam terjemahan ayat daripada Surah Al-Baqarah: 191.

Maksudnya: “Dan bunuhlah mereka (musuh yang memerangi kamu) di mana sahaja kamu dapati mereka, dan usirlah mereka dari tempat yang mereka telah mengusir kamu; dan (ingatlah bahawa angkara) fitnah itu lebih besar bahayanya daripada pembunuhan dan janganlah kamu memerangi mereka di sekitar masjid Al-Haraam sehingga mereka memerangi kamu di situ.”

- 2) Fenomena Akhir Zaman dengan berleluasanya fitnah dan kerosakan akhlak

Berlakunya fitnah dan kerosakan akhlak kerana manusia membuat tohmahan dan menyebarkan. Berita palsu yang dijana melalui AI boleh menimbulkan kebencian kepada sesuatu kaum dan agama, penipuan kewangan dan ketidakstabilan sesebuah negara. Bayangan fenomena akhir zaman ini telah dijelaskan dalam Hadis:

“بَادِرُوا بِالْأَعْمَالِ فِتْنًا كَقِطْعِ اللَّيْلِ الْمُظْلِمِ، يُصْبِحُ الرَّجُلُ مُؤْمِنًا وَيُمْسِي كَافِرًا، أَوْ يُمْسِي مُؤْمِنًا وَيُصْبِحُ كَافِرًا، يَبِيعُ دِينَهُ بِعَرَضٍ مِنَ الدُّنْيَا.”

Terjemahan:

“Segeralah beramal sebelum datang fitnah seperti malam yang gelap, seseorang di waktu pagi beriman dan di waktu petang menjadi kafir, atau

di waktu petang beriman dan di waktu pagi menjadi kafir, dia menjual agamanya demi habuan dunia.”

(Sahih Muslim,118)

Baginda (saw) memberi gambaran bahawa fitnah akhir zaman sangat dahsyat hingga keimanan seseorang boleh terbalik dalam sehari sahaja. Betapa penting menjaga iman dan segera beramal sebelum datangnya ujian besar tersebut dan betapa bahayanya menjual agama demi dunia. Ini merupakan satu bentuk murtad atau penyelewengan akidah kerana sesuatu kepentingan dan habuan duniawi.

Oleh itu, kita hendaklah menyegerakan amal soleh sebelum datang masa yang meragut iman dan melalaikan hati dan jangan menggadaikan prinsip agama semata-mata untuk mengaut keuntungan sementara dunia termasuk penyelewengan teknologi.

3) Penipuan dan pendustaan berlaku

Sesiapa yang terlibat dengan penipuan dan penyebaran berita palsu tergolong dalam golongan orang yang melakukan pendustaan. Perbuatan ini amat ditegah dalam Islam kerana ia merupakan salah satu sifat orang Munafik.

Famili Baginda (saw) pernah diuji dengan peristiwa fitnah dan penyebaran berita palsu sebagaimana digambarkan dalam Hadith al-Ifk (Sahih al-Bukhari, 4750)

Pengajaran penting daripada peristiwa ini adalah fitnah boleh menghancurkan masyarakat kerana fitnah ini menggoncang Madinah dan menggugat kehormatan keluarga Nabi ﷺ. Oleh itu, setiap daripada kita perlu berhati-hati dengan berita palsu dan Allah mengajar umat Islam agar tidak terus mempercayai tuduhan tanpa bukti. Agama Islam ada menggariskan hukuman terhadap penyebar fitnah, iaitu mereka yang terbukti menyebarkan tuduhan dikenakan hukuman Had Qazaf iaitu sebatan 80 kali. Artikel ini turut mengambil spirit bagaimana wahyu Ilahi memberi panduan dalam menangani berita palsu yang berlaku komuniti dan media dan seterusnya meneroka konsep etika penggunaan kecerdasan buatan.

3. METODOLOGI KAJIAN

3.1 *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini menggunakan kaedah reka bentuk kualitatif berasaskan analisis kandungan teks yang dijalankan kepada beberapa portal berita atas talian seperti Berita Harian, Harian Metro, BERNAMA dan Free Malaysia Today. Kajian berasaskan analisis kandungan dipilih di atas beberapa faktor seperti kebolehgunaannya adalah meliputi pelbagai bidang seperti kaedah penyelidikan dan diterima secara meluas dalam bidang komunikasi dan sains maklumat, sebagai satu kaedah bagi pengesanan imej media serta kandungan teks (Agostino et al., 2008).

3.2 *Kaedah Pengumpulan Data*

Dalam kajian ini, pengumpulan data telah dijalankan kepada beberapa portal berita atas talian seperti Berita Harian, Bernama dan Harian Metro. Portal ini dipilih berdasarkan pelaporan tajuk berita yang menggunakan kata kunci seperti berita palsu, ‘*deepfake*’, ‘*voice manipulation*’ dan teknologi kecerdasan buatan atau ‘*Artificial Intelligence*’ (AI). Pengumpulan data dijalankan selama sebulan dengan mengambilkira tempoh pelaporan berita bermula 1 Mac 2024 sehingga 15 Julai 2025. Jangka masa ini dipilih kerana pada tahun 2024 sehingga 2025 terdapat peningkatan ketara kandungan memudaratkan di media sosial dan platform *Over the Top* (OTT) (BERNAMA, 2025).

Tujuan kajian ini adalah untuk memahami bagaimana teknologi kecerdasan buatan (AI) menyumbang kepada penyebaran berita palsu, serta bagaimana prinsip etika al-Qur’an boleh digunakan sebagai kerangka penilaian dan penyelesaian. Berikut merupakan sebahagian sorotan kes-kes penyebaran berita palsu yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan yang berlaku di Malaysia sejak 1 Mac 2024 sehingga 15 Julai 2025:

- (i) Pelaburan Light Natural Gas menggunakan Deepfake untuk perdaya mangsa – dilaporkan oleh Harian Metro pada 15 Mac 2024
- (ii) Khairul Aming dedah scammer manipulasi suara, wajahnya guna AI– dilaporkan oleh Berita Harian pada 14 Ogos 2024
- (iii) Deepfake senjata baharu jenayah siber – dilaporkan oleh Berita Harian pada 10 Mac 2025
- (iv) Waspada video 'Deepfake' tawar pelaburan Kerajaan Malaysia, untung 100 kali ganda – dilaporkan oleh Berita Harian pada 12 Mac 2025
- (v) Lima video 'deepfake' janaan AI berkaitan penipuan pelaburan dikesan sejak tahun lepas – dilaporkan oleh BERNAMA pada 12 Mac 2025
- (vi) Salah laku seksual termasuk gambar lucah AI, sekolah swasta perlu ada SOP– dilaporkan oleh Berita Harian pada 12 April 2025

- (vii) Scammer guna AI palsukan suara, imej – dilaporkan oleh Free Malaysia Today pada 8 Jun 2025
- (viii) Siti kecewa wajah, suara dieksploitasi guna AI bagi iklan palsu – dilaporkan oleh BERNAMA pada 18 Jun 2025
- (ix) Jangan Terpedaya Video AI guna imej Sultan Pahang tawar bantuan kepada rakyat – dilaporkan oleh BERNAMA pada 6 Julai 2025
- (x) Akaun palsu guna AI papar wajah, suara Agong dikesan – dilaporkan oleh BERNAMA pada 10 Julai 2025

Data dikumpulkan melalui dua sumber utama:

1. Sumber Primer –Terjemahan Ayat Al-Qur'an

- Data terdiri daripada ayat-ayat al-Qur'an yang berkaitan dengan panduan komunikasi beretika kepada pengguna media sosial, seperti:
 - Surah Al-Imran: 104 (*amar makruf nahi mungkar*)
 - Surah Al-Hujurat:6 (prinsip tabayyun)
 - Surah Al-Qalam: 10-11 (tidak berkongsi maklumat yang mengandungi unsur fitnah)
 - Surah Al-Ahzab:70 (prinsip Qaulan Sadidan)
 - Surah An-Nur: 11-20 & Surah An-Nur: 22
- Tujuannya adalah untuk merumuskan prinsip-prinsip komunikasi Islam sebagai kerangka etika terhadap realiti komunikasi digital semasa.

2. Sumber Sekunder – Analisis Kandungan Media Sosial

- Data diperoleh melalui analisis kandungan (*content analysis*) terhadap berita dan maklumat dari portal berita atas talian dan media sosial.
- Antara portal yang dianalisis termasuk:
 - Berita Harian, Bernama dan Harian Metro
- Kandungan yang dikaji adalah:
 - Berita palsu yang terbukti disebar dengan bantuan AI.
 - Kandungan yang mengandungi unsur fitnah, manipulasi suara/wajah (*deepfake*).

- Kriteria pemilihan kandungan:
 - Kandungan yang viral atau berimpak besar.
 - Disahkan palsu oleh pihak berautoriti atau melalui penyemakan fakta.
 - Mengandungi unsur manipulasi oleh sistem AI.
- Jangka masa analisis kandungan: Mac 2024 hingga Julai 2025
 - Tempoh ini dipilih kerana menyaksikan peningkatan ketara penggunaan AI generatif dalam media dan komunikasi massa.
- Kandungan dianalisis melalui:
 - Pendekatan tematik untuk mengenal pasti isu dominan seperti fitnah politik, manipulasi agama, dan propaganda sosial.

4. PERBINCANGAN

Antara isu utama dalam komunikasi AI adalah penipuan maklumat melalui teknologi *deepfake*, penulisan automatik, dan bot penyebar fitnah. Ayat-ayat al-Qur'an yang relevan termasuk Surah Al-Imran: 104 (*Amar makruf nahi mungkar*), Surah Al-Hujurat:6 (*Tabayyun*), Surah Al-Qalam: 10-11 (Tidak berkongsi maklumat yang mengandungi unsur fitnah), Surah Al-Ahzab: 70 (*Qaulan Sadidan*), dan al-Isra': 36 (Larangan menyebarkan tanpa ilmu). Kesemua ini menunjukkan bahawa penyebaran maklumat tidak boleh dilakukan secara sembarangan, apatah lagi jika ianya bersumberkan AI yang tidak mempunyai nilai moral. Islam memegang manusia sebagai makhluk bertanggungjawab atas semua bentuk penyampaian maklumat, termasuk yang dibantu teknologi. Fenomena penipuan maklumat oleh AI perlu dilihat bukan sekadar isu teknikal, tetapi juga krisis moral dan spiritual dalam masyarakat digital moden.

Model 5P Komunikasi Digital Islam sebagai kerangka etika komunikasi digital Islam yang perlu diterapkan dalam kalangan pengguna media sosial di Malaysia. Model ini dibangunkan berdasarkan kepada analisis terjemahan ayat Al-Quran, Prinsip Maqasid Syariah dan analisis kandungan berita palsu janaan AI. Model 5P Komunikasi Digital Islam adalah seperti berikut:

1. Penilaian – menilai konteks, niat dan kesan maklumat yang dikongsi.
2. Penapisan – menolak unsur terlarang, kebencian dan fitnah
3. Pengesahan – menyemak sumber dan pemilik maklumat.

4. Perkongsian— berkongsi hanya yang benar dan adil.
5. Pertanggungjawaban— kesedaran terhadap implikasi hasil perkongsian

Model 5P Komunikasi Islam ini amatlah penting sebagai pengguna media sosial. Ini kerana melalui penilaian, pengguna akan menilai konteks sesuatu kandungan yang akan dimuatnaik terlebih dahulu dan memikirkan akan kesan maklumat yang dikongsi kepada manusia sejagat. Penilaian ini melibatkan penggunaan akal, ilmu, serta sumber daripada dalil Naqli dan Aqli sebagai rujukan. Umat Islam dituntut untuk menilai kesahihan sumber, latar belakang penyampai maklumat, serta potensi kesan baik atau buruk yang boleh timbul daripada maklumat tersebut. Dengan penilaian yang cermat, umat Islam dapat mengelakkan diri daripada terjebak dalam penyebaran berita palsu, fitnah atau maklumat yang menyeleweng daripada kebenaran.

Melalui konsep penapisan, pengguna akan menapis kandungan yang dimuatnaik sama ada mengandungi unsur jelik, terlarang, kebencian dan fitnah yang boleh mengundang bahaya kepada pengguna digital yang lain. Penapisan bermaksud proses menyaring maklumat dengan membezakan antara perkara yang benar, bermanfaat dan selari dengan syarak daripada maklumat yang salah, mengelirukan atau merosakkan. Dalam Islam, penapisan adalah selaras dengan prinsip *amar makruf nahi mungkar*, iaitu menggalakkan penyebaran kebaikan dan menolak keburukan. Umat Islam harus menapis bukan sahaja kandungan maklumat, tetapi juga bentuk komunikasi, sama ada ia beretika, beradab dan tidak melanggar batas syariah. Proses penapisan ini membantu memastikan bahawa komunikasi yang disampaikan tidak menjadi medium fitnah, gosip atau hiburan melampau yang membawa kepada kelalaian.

Pengesahan atau *tabayyun* adalah salah satu prinsip utama dalam komunikasi Islam. Sebelum sesuatu berita atau maklumat dikongsi, ia wajib disahkan kesahihannya melalui sumber yang boleh dipercayai, bukti yang sahih dan penilaian berlandaskan wahyu. Firman Allah dalam Surah Al-Hujurat ayat 6 menegaskan kepentingan menyelidik kebenaran berita sebelum mempercayainya. Dalam konteks komunikasi moden, pengesahan ini boleh dilakukan dengan merujuk kepada media rasmi, pakar bidang berkaitan, atau institusi berautoriti. Tanpa pengesahan, penyebaran maklumat boleh mengakibatkan salah faham, kerosakan maruah individu dan perpecahan dalam masyarakat. Pengesahan memerlukan pengguna untuk menyemak sumber dan pemilikan maklumat agar pengguna tidak terburu-buru berkongsi maklumat yang tidak diketahui sumbernya. Pengguna boleh menyemak kesahihan sumber maklumat yang diperoleh melalui laman sesawang atau portal Sebenarnya.my. Portal ini adalah


inisiatif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), merupakan sebuah pusat sehati bagi rakyat Malaysia untuk menyemak sebelum berkongsi berita yang tidak ditentukan kesahihannya, yang diterima secara talian melalui platform media sosial, perkhidmatan mesej segera, blog, laman sesawang, dan lain-lain.

Perkongsian maklumat dalam komunikasi Islam mestilah dilakukan dengan niat yang ikhlas, tujuan yang bermanfaat, serta mengikut adab dan batas syariah. Islam menganjurkan umatnya menyebarkan ilmu yang sahih, berita yang benar dan maklumat yang membawa maslahat kepada masyarakat. Perkongsian juga perlu mengambil kira sensitiviti khalayak agar tidak menimbulkan keresahan, kekeliruan atau ketegangan. Dalam era digital, perkongsian maklumat sering berlaku secara pantas melalui media sosial, oleh itu prinsip hikmah, adab dan tanggungjawab perlu sentiasa diutamakan. Perkongsian yang bijaksana mampu memperkukuh ukhuwah, menyebarkan kebaikan dan membina masyarakat berilmu. Perkongsian memastikan agar pengguna berkongsi hanya maklumat yang benar dan adil.

Setiap individu Muslim memikul tanggungjawab terhadap setiap perkataan, tulisan dan maklumat yang disampaikan. Dalam perspektif Islam, komunikasi bukan sekadar urusan duniawi, tetapi akan dipersoalkan di akhirat kelak sebagaimana firman Allah dalam Surah Qaf ayat 18: *“Tidak ada suatu kata yang diucapkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang selalu siap mencatat.”* Pertanggungjawaban ini menuntut setiap Muslim lebih berhati-hati, amanah dan beretika dalam berkomunikasi. Kesedaran bahawa setiap komunikasi akan dipersoalkan menjadikan umat Islam lebih teliti, mengelakkan penyebaran maklumat palsu, serta menjadikan komunikasi sebagai ibadah yang menyumbang kepada kebaikan bersama. Melalui pertanggungjawaban, pengguna sedar terhadap implikasi hasil perkongsian sama ada mendatangkan kemudharatan, bahaya dan mencegah daripada terjadinya kerosakan (*Sadd al-Dharā’i’*). Konsep ini menerangkan bahawa menutup jalan kerosakan (*mafsadah*) sebagai cara untuk menghindari kerosakan tersebut. Meskipun sesuatu perbuatan bebas dari unsur kerosakan (*mafsadah*), namun jika perbuatan itu merupakan jalan terjadinya sesuatu kerosakan (*mafsadah*), maka kita harus mencegah perbuatan tersebut (Muhamad Takhim, 2019).

Rajah 1

Model 5P Komunikasi Digital Islam



Oleh itu, dalam proses menerima dan menyampaikan sesuatu berita, perlulah dipastikan keabsahan dan kebenaran kandungan berita itu. Beberapa faktor juga perlu diambil kira seperti berhati-hati di dalam menyampaikan sesuatu berita, memastikan tiada salah faham dan kesalahan fakta yang boleh mengundang fitnah, tidak terburu-buru dalam membuat Kesimpulan, tidak berprasangka jahat sesama manusia dan menjaga silaturrahim sesama manusia. Dalam konteks etika Islam, implikasi batasan mesti diletakkan dengan melihat kepada Maqasid Syariah sebagai panduan kepada sesuatu perkembangan teknologi agar tidak membawa kemudaratkan kepada agama, harta, nyawa, keturunan dan akal.

5. KESIMPULAN DAN SARANAN

Sebagai kesimpulannya, AI telah memberikan manfaat yang besar terutamanya dalam penciptaan dan penyebaran maklumat dengan pantas. Namun, ia turut membuka ruang kepada penyebaran berita palsu oleh penggunaanya yang mencabar integriti komunikasi. Al-Qur'an menyediakan prinsip yang kukuh dan komprehensif dalam mendepani dan menangani cabaran ini. Kajian ini menyarankan agar kod etika AI Islamik dibangunkan dan platform pengesahan kandungan berteraskan prinsip Islam dibangunkan. Pendekatan yang komprehensif dan inklusif dapat membina ekosistem maklumat yang beretika dan selamat.

Menyedari perkara ini, pengkaji berpandangan langkah-langkah proaktif bersifat pencegahan perlu dipergiatkan berasaskan prinsip *Sadd al-Dharā'i'*, dengan maksud satu kaedah dalam ilmu usul fiqh bagi menyekat jalan-jalan kerosakan iaitu melalui pendidikan, pemantauan berterusan oleh ibu bapa, kempen penggunaan media sosial yang beretika dan tanggungjawab individu. Dalam aspek pendidikan, sistem pendidikan di Malaysia perlu mengintegrasikan

elemen literasi digital dan komunikasi Islam dalam kurikulum sekolah dan universiti. Pendidikan berasaskan nilai ini bukan sahaja melatih pelajar menilai, menapis, dan mengesahkan maklumat, tetapi juga menekankan adab Islam dalam perkongsian serta tanggungjawab terhadap setiap maklumat yang disampaikan.

Dalam konteks keluarga, ibu bapa memainkan peranan penting sebagai model teladan dalam penggunaan media sosial. Pemantauan berterusan bukan bermaksud kawalan ketat semata-mata, tetapi melibatkan bimbingan, dialog terbuka, dan pembinaan kesedaran tentang bahaya berita palsu serta etika komunikasi. Ibu bapa boleh menerapkan amalan *tabayyun* dalam kehidupan seharian anak-anak dengan membimbing mereka memeriksa sumber, memahami implikasi perkongsian maklumat, dan menggalakkan penggunaan media secara beretika. Dengan pendekatan ini, institusi keluarga akan menjadi benteng utama dalam membentuk budaya komunikasi yang berlandaskan nilai Islam.

Kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) di Malaysia disaran mempergiatkan kempen kesedaran mengenai penggunaan media sosial secara beretika. Kempen ini perlu dirancang menggunakan pelbagai platform digital untuk menarik perhatian generasi muda. Penekanan perlu diberikan kepada prinsip komunikasi Islam, kesan negatif penyebaran berita palsu, serta tanggungjawab moral pengguna media. Selain itu, kerjasama strategik antara agensi seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), dan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memastikan mesej kempen ini konsisten dan memberi impak berpanjangan dalam membentuk masyarakat Malaysia yang lebih bertanggungjawab dalam dunia digital.

Tanggungjawab setiap individu juga amatlah penting dalam memastikan setiap kandungan yang dimuatnaik telah melalui aspek 5P seperti yang dicadangkan dalam Model 5P Komunikasi Digital Islam iaitu Penilaian, Penapisan, Pengesahan, Perkongsian dan Pertanggungjawaban. Setiap daripada kita hendaklah berasa tanggungjawab dengan apa yang dilakukan dan mengamalkan prinsip *tabayyun* agar kemaslahatan umat Islam dapat dipelihara. Model 5P Komunikasi Islam (Penilaian, Penapisan, Pengesahan, Perkongsian, dan Pertanggungjawaban) merupakan kerangka penting dalam membentuk etika komunikasi masyarakat Muslim khususnya dalam konteks Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dalam era digital yang sarat dengan berita palsu, maklumat tidak sahih, dan kandungan yang bersifat provokatif, Model 5P berfungsi sebagai garis panduan untuk memastikan komunikasi dilakukan secara berhemah, beretika, dan selaras dengan prinsip syariah. Dari perspektif

akademik, model ini bukan sahaja relevan untuk kajian komunikasi Islam, tetapi juga boleh diaplikasikan dalam bidang komunikasi massa, media digital, pendidikan, dan dasar awam di Malaysia.

RUJUKAN

- Akmar Hayati Ghazali. (2021, 7 Januari). *Pengguna setia media sosial*. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/WM/2021/01/661173/pengguna-setia-media-sosial>
- Al-Suyuti, Abdul Rahman bin Abi Bakr.1403H. al Asybah wa al Nazair. Beirut: Darul Kutub al cIlmiah.
- Bernama. (2024, 21 Februari). *Kod Etika Wartawan perlu diamalkan oleh 'citizen journalist'*. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2272165>
- Bernama. (2025, 10 Julai). Akaun palsu guna AI papar wajah, suara Agong dikesan. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2443411>
- Bernama. (2025, 12 Mac). Lima video 'deepfake' janaan AI berkaitan penipuan pelaburan dikesan sejak tahun lepas. Bernama. <https://bernama.com/radio/news.php?id=2401431>
- Bernama. (2025, 6 Julai). Jangan Terpedaya Video AI guna imej Sultan Pahang tawar bantuan kepada rakyat. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2441970>
- Bernama. (29 Mac 2025). Kandungan provokatif di media sosial meningkat ketara. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2283678>
- Carolyn, K. (8 Jun 2025). Scammer guna AI palsukan suara, imej saya, kata Guan Eng. Free Malaysia Today. <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/06/08/scammer-guna-ai-palsukan-suara-imej-saya-kata-guan-eng>
- Hafeezur Muzamir. (2025, 28 Januari). 1,233 kandungan berita palsu diturunkan setakat 27 Januari 2025. TV Sarawak. <https://www.tvsarawak.my/2025/01/28/1233-kandungan-berita-palsu-diturunkan-setakat-27-januari-2025/>
- Hafidzul Hilmi. (2024, 15 Mac). Pelaburan Light Natural Gas menggunakan Deepfake untuk perdaya mangsa. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/03/1070256/pelaburan-light-natural-gas-menggunakan-deepfake-untuk-perdaya-mangsa>
- Jabatan Agama Islam Selangor. (2018). Adab di dalam media sosial. Jabatan Agama Islam Selangor. <https://e-khutbah.jais.gov.my/senarai-khutbah-jumaat/>

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2021). Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tabir Urus Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <https://www.islam.gov.my/ms/bahagian-maqasid-syariah/huraian-aplikasi-5-prinsip-maqasid-syariah-dalam-tabir-urus>
- Mohd Ridzaudhin Roslan & Muhammad Najieb Ahmad Fuad. (2023, 12 Julai). Rakyat 'gila' media sosial, tengok telefon 6 jam sehari. Kosmo. <https://www.kosmo.com.my/2023/07/12/rakyat-gila-media-sosial-tengok-telefon-6-jam-sehari/>
- Muhammad Saufi Hassan. (2025, 15 April). Tipu muslihat AI. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/itmetro/2025/04/1207755/tipu-muslihat-ai>
- Muhammad Takhim. (2019). Saddu al-Dzari'ah dalam Muamalah Islam. Jurnal Ekonomi dan Bisnis, 14(1), 19-25.
- Nor Azizah Mokhtar. (2024, 14 Ogos). Khairul Aming dedah scammer manipulasi suara, wajahnya guna AI. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/08/1284904/khairul-aming-dedah-scammer-manipulasi-suara-wajahnya-guna-ai>
- Nurul Huda Husain. (2024, 16 Julai). Selebriti, tokoh politik antara mangsa deepfake. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/675239/berita/nasional/selebriti-tokoh-politik-antara-mangsa-deepfake>
- Omar Ahmad. (2025, 12 April). Salah laku seksual termasuk gambar lucah AI, sekolah swasta perlu ada SOP. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/04/1383587/salah-laku-seksual-termasuk-gambar-lucah-ai-sekolah-swasta-perlu-ada>
- Syafil Syazwan. (2025, 18 Jun). Siti kecewa wajah, suara dieksploitasi guna AI bagi iklan palsu. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/amp/hiburan/selebriti/2025/06/1409434/siti-kecewa-wajah-suara-dieksploitasi-guna-ai-bagi-iklan-palsu>
- Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2022). Penggunaan Media Sosial Baharu: Isu- Isu dan Panduan Perspektif Islam, Jurnal Usuluddin 50 (1), 73-96.
- Zanariah Abd Motalib. (2025, 10 Mac). Deepfake senjata baharu jenayah siber. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/03/1370651/deepfake-senjata-baharu-jenayah-siber>
- Zulkifli Manzor. (2024, 27 Februari). Dewan Rakyat: Sebanyak 861 berita palsu dikesan sejak 1 Disember 2022. Kosmo Malaysia. <https://www.kosmo.com.my/2024/02/27/dewan-rakyat-sebanyak-861-berita-palsu-dikesan-sejak-1-disember-2022/>